

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]

TARIKH : 20 Oktober 2016 (Khamis)

SOALAN : Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam mempertingkatkan lagi sumber hasil ekonomi melalui sistem pertanian moden yang berintegrasikan tenaga solar (AIPV) seterusnya menjurus kepada penjanaaan hasil tenaga hijau dan hasil pertanian moden rumah hijau mesra alam.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Penggunaan teknologi solar bagi menjana tenaga elektrik mesra alam kini turut dimanfaatkan dalam projek pertanian. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Jabatan Pertanian (DOA) dan MARDI sedang bekerjasama dengan sebuah syarikat pengeluar tenaga terbesar di Malaysia iaitu Cypark Resources Berhad (Cypark) untuk membangunkan sistem pertanian moden yang berintegrasikan tenaga solar (*AIPV- Agriculture Integrated Photo Voltaic*) dalam sistem rumah hijau. Antara projek yang telah dibangunkan berasaskan teknologi tersebut adalah tanaman sayur dan melon secara fertigasi di bawah struktur solar panel. Setakat ini, projek perintis ini telah dilaksanakan di Negeri Perlis.

Bagi tanaman bernilai tinggi seperti tanaman herba, Jabatan Pertanian (DOA) telah mengesyorkan kepada usahawan untuk mengguna pakai rumah pengeringan berasaskan tenaga cahaya matahari (*solar drying house*). Penggunaan *solar drying house* ini bukan sahaja menjimatkan kos pemprosesan malah dapat menjamin kualiti bahan intipati dalam produk.

Jabatan Pertanian (DOA) juga sudah menggunakan tenaga solar dalam aktiviti kawalan musuh tanaman seperti pagar elektrik dan perangkap serangga mulai tahun 2013 dan 2014 di Taman Kekal

Pengeluaran Makanan (TKPM) Lekir, TKPM Titi Gantung, TKPM Gua Tempurung dan ladang-ladang di sekitar daerah Grik, Perak sebagai *pilot* projek.

Selain itu, Kerajaan melalui Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah memperkenalkan beberapa kadar bonus dalam mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT) bagi kategori solar fotovoltaik (solar PV). Antaranya adalah *Building Integrated Photovoltaic* (BIPV) dimana kriteria bagi mendapatkan kadar bonus BIPV ini adalah adanya aktiviti manusia (*human activities*) di bawah pemasangan sistem solar PV ini termasuk aktiviti pertanian.